CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872]

CIMB Bank Berhad [197201001799]

NOTIS PENTING BERTARIKH 20 NOVEMBER 2026

NOTIS PINDAAN BAGI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AKAUN CIMB BANK BERHAD DAN CIMB ISLAMIC BANK BERHAD

Pelanggan yang dihormati,

Terma dan syarat yang mengawal Akaun Semasa untuk CIMB Bank Berhad [197201001799] ("**CIMB Bank**") dan Akaun Semasa-i untuk CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872] ("**CIMB Islamic**") yang berikut telah dipinda dan akan berkuat kuasa pada 10 Disember 2026.

Untuk memudahkan rujukan, penjadualan klausa-klausa Terma dan Syarat yang dipinda/baru dinyatakan dalam jadual di bawah.

Sila layari laman sesawang kami di www.cimb.com.my untuk salinan pindaan Terma dan Syarat.

Terima kasih.

Pihak Pengurusan
CIMB Bank Berhad
CIMB Islamic Bank Berhad

CIMB ISLAMIC

CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872]

CIMB BANK

CIMB Bank Berhad [197201001799]

NOTIS PENTING BERTARIKH 20 November 2026

Jadual: Penjadualan klausa yang dipinda/baru

No.	Nama Produk	Klausa Sedia ada	Semakan/ Pindaan/ Klausa Baru
	CIMB Bank Berhad		
1.	Akaun Semasa		*Pindaan kepada Klausa 2.7 seperti yang diserlahkan dalam huruf tebal di bawah mengenai pengendalian cek yang boleh dibayar*
		2 DEPOSIT	**2 DEPOSIT**
		2.7 Bagi akaun bersama, cek yang perlu dibayar kepada mana-mana satu pemegang akaun bersama boleh didepositkan ke dalam akaun bersama. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang timbul daripada bayaran hasil cek sedemikian dan bayaran sedemikian hendaklah dianggap diberi kuasa oleh semua pemegang akaun bersama.	2.7 Bagi akaun bersama, cek yang perlu dibayar kepada mana-mana satu pemegang akaun bersama boleh didepositkan ke dalam akaun bersama. Bank tidak akan **bertanggungjawab** atas sebarang kerugian yang timbul daripada **pembayaran** dari hasil cek tersebut, dan pembayaran **itu akan** dianggap **sebagai dibenarkan** oleh semua pemegang akaun bersama.
			Pindaan kepada Klausa 4.1 seperti yang diserlahkan dalam huruf tebal di bawah.
		4 KAD DEBIT	**4 KAD DEBIT**
		4.1 Tertakluk kepada keperluan semasa Bank yang dipaparkan di laman sesawang Bank, kad debit untuk mengendalikan Akaun Semasa akan dikeluarkan oleh Bank. Fi dan caj untuk kad debit akan ditanggung oleh pemegang akaun.	4.1 Tertakluk kepada keperluan semasa Bank yang dipaparkan di laman sesawang Bank, kad debit untuk mengendalikan Akaun Semasa akan dikeluarkan oleh Bank. Fi dan caj untuk kad debit, **jika berkenaan** akan ditanggung oleh pemegang akaun.
			Pindaan kepada Klausa 5.6 seperti yang diserlahkan dalam huruf tebal di bawah.
		5 PENGELUARAN	**5 PENGELUARAN**
		5.6 Jika Akaun Semasa terlebih keluar walaupun tidak ada overdraf yang dipersetujui atau ia melebihi had overdraf yang pra-dipersetujui, Bank boleh mengenakan faedah semasa ke atas jumlah oyang terlebih keluar dan fi untuk setiap cek yang diproses. Pemegang akaun hendaklah membayar atas tuntutan sebarang overdraf bersama-sama dengan faedah dan fi sedemikian yang dikenakan.	5.6 Jika Akaun Semasa terlebih keluar walaupun tidak ada overdraf yang dipersetujui atau ia melebihi had overdraf yang pra-dipersetujui, Bank boleh mengenakan faedah semasa ke atas jumlah oyang terlebih keluar dan fi untuk setiap cek yang diproses. **Kadar faedah dan fi semasa bank ini diterbitkan di laman sesawang bank dan dimaklumkan di cawangan-cawangannya.** Pemegang akaun hendaklah membayar atas tuntutan sebarang overdraf bersama-sama dengan faedah dan fi sedemikian yang dikenakan.

			Pindaan kepada Klausa 7.3 untuk memasukkan dalam peruntukan seperti yang diserlahkan dengan huruf tebal.
		7 PENGHENTIAN BAYARAN KE ATAS CEK	**7 PENGHENTIAN BAYARAN KE ATAS CEK**
		7.3 Pemegang akaun bersetuju untuk menanggung rugi Bank dari dan terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, permintaan, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang mungkin pada bila-bila masa ditanggung atau dialami oleh Bank berbangkit daripada atau berhubung dengan isu dan/atau kepatuhan oleh Bank terhadap atau pelaksanaan haknya berhubung dengan sebarang arahan penghentian bayaran.	7.3 Pemegang akaun bersetuju untuk menanggung rugi Bank dari dan terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, permintaan, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang mungkin pada bila-bila masa ditanggung atau dialami oleh Bank berbangkit daripada atau berhubung dengan isu dan/atau kepatuhan oleh Bank terhadap atau pelaksanaan haknya berhubung dengan sebarang arahan penghentian bayaran, **kecuali disebabkan oleh penipuan, kecuaian atau kegagalan sengaja oleh Bank.**
			Pindaan kepada Klausa 9.3 dan 9.4 untuk memasukkan dalam peruntukan seperti yang diserlahkan dengan huruf tebal.
		9 PEMBEKUAN AKAUN	**9 PEMBEKUAN AKAUN**
		9.3 Dalam mengambil sebarang tindakan untuk membekukan Akaun Semasa di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, termasuk memulangkan sebarang cek atau instrumen lain yang didepositkan untuk pungutan atau bayaran, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk fitnah dan/atau sebarang kerugian ganti rugi perbelanjaan kos atau caj apa jua, tanpa mengira sebarang kenyataan yang boleh dibuat oleh Bank berkenaan pemulangan. Pemegang akaun selanjutnya bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan untuk ganti rugi kerugian perbelanjaan caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin dilakukan terhadap Bank oleh mana-mana orang lain bagi tindakan Bank dalam membekukan Akaun Semasa.	9.3 Dalam mengambil sebarang tindakan untuk membekukan Akaun Semasa di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, termasuk memulangkan sebarang cek atau instrumen lain yang didepositkan untuk pungutan atau bayaran, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk fitnah dan/atau sebarang kerugian ganti rugi perbelanjaan kos atau caj apa jua, tanpa mengira sebarang kenyataan yang boleh dibuat oleh Bank berkenaan pemulangan. Pemegang akaun selanjutnya bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan untuk ganti rugi kerugian perbelanjaan caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin dilakukan terhadap Bank oleh mana-mana orang lain bagi tindakan Bank dalam membekukan Akaun Semasa **kecuali disebabkan oleh penipuan, kecuaian, atau pelanggaran sengaja oleh Bank.**
		9.4 Jika Bank didakwa atau dijadikan pihak kepada sebarang tindakan guaman berbangkit daripada tindakan Bank dalam membekukan Akaun Semasa atau jika Bank sebelum atau selepas membekukan Akaun Semasa memulakan sebarang tindakan guaman (termasuk sebarang prosiding interplider) terhadap mana-mana pihak termasuk pemegang	9.4 Jika Bank didakwa atau dijadikan pihak kepada sebarang tindakan guaman berbangkit daripada tindakan Bank dalam membekukan Akaun Semasa atau jika Bank sebelum atau selepas membekukan Akaun Semasa memulakan sebarang tindakan guaman (termasuk sebarang prosiding interplider) terhadap mana-mana

		akaun, pemegang akaun hendaklah menanggung rugi Bank bagi semua penalti kerugian ganti rugi tuntutan perbelanjaan caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin diberikan oleh mahkamah terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank	pihak termasuk pemegang akaun, pemegang akaun hendaklah menanggung rugi Bank bagi semua penalti kerugian ganti rugi tuntutan perbelanjaan caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin diberikan oleh mahkamah terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank **kecuali jika perkara yang sama disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaian atau pelanggaran sengaja oleh Bank.** *Pindaan kepada Klausa 10.3 dan 10.4 seperti yang diserlahkan dengan huruf tebal di bawah mengenai arahan penutupan akaun akibat jenayah kewangan*
		10 PENUTUPAN AKAUN 10.3 Bank juga boleh menggantung atau menutup Akaun Semasa pada bila-bila masa untuk mematuhi sebarang undang-undang, perintah mahkamah, peraturan, sekatan dan/atau enakmen atau arahan pihak berkuasa kawal selia atau penguatkuasaan. 10.4 Bank juga merizabkan hak untuk menutup sebarang Akaun Semasa menurut budi bicara Bank dengan memberikan notis yang mencukupi kepada pemegang akaun.	**10 PENUTUPAN AKAUN** 10.3 Bank juga boleh menggantung atau menutup Akaun Semasa pada bila-bila masa **tanpa notis terlebih dahulu** untuk mematuhi sebarang undang-undang, perintah mahkamah, peraturan, sekatan dan/atau enakmen atau arahan pihak berkuasa kawal selia atau penguatkuasaan **atau untuk mencegah jenayah kewangan.** 10.4 Bank juga merizabkan hak untuk menutup sebarang Akaun Semasa menurut budi bicara **munasabah** Bank dengan memberikan notis yang mencukupi kepada pemegang akaun. *Pindaan kepada Klausa 11.2 untuk memadam ayat mengenai tujuan pengkreditan dan pengendapan faedah dan fi serta termasuk seperti yang diserlahkan dengan tebal mengenai pengendalian akaun tidak aktif.*
		11 AKAUN TIDAK AKTIF / DORMAN / WANG TIDAK DITUNTUT 11.2 Bagi sebarang akaun yang telah diklasifikasikan sebagai dorman, tiada transaksi kredit dan/atau debit (selain daripada transaksi kredit dan/atau debit yang dilakukan oleh Bank bagi tujuan pengkreditan faedah ke dalam akaun atau pendebitan bagi fi dan/atau caj yang kena dibayar oleh pemegang akaun kepada Bank) akan dibenarkan ke atas akaun sehingga akaun telah diaktifkan semula selaras dengan Klausa 11.3 di bawah.	**11 AKAUN TIDAK AKTIF / DORMAN / WANG TIDAK DITUNTUT** 11.2 Bagi sebarang akaun yang telah diklasifikasikan sebagai dorman, transaksi kredit dan/atau debit ke atas akaun itu mungkin dihadkan sehingga akaun telah diaktifkan semula selaras dengan Klausa 11.3 di bawah.

			Pindaan kepada Klausa 13.3 untuk memasukkan dalam peruntukan seperti yang diserlahkan dengan huruf tebal.
		13 AKAUN DALAM NAMA BERSAMA ("AKAUN BERSAMA") (Terpakai terhadap akaun bersama dalam nama dua atau lebih orang)	**13 AKAUN DALAM NAMA BERSAMA ("AKAUN BERSAMA") (Terpakai terhadap akaun bersama dalam nama dua atau lebih orang)**
		13.3 Pemegang akaun bersama hendaklah secara bersama dan berasingan menanggung rugi dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain tidak kira bagaimana dan bila berbangkit daripada sebarang pemberikuasaan yang diberikan oleh mana-mana pemegang akaun bersama.	13.3 Pemegang akaun bersama hendaklah secara bersama dan berasingan menanggung rugi dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain tidak kira bagaimana dan bila berbangkit daripada sebarang pemberikuasaan yang diberikan oleh mana-mana pemegang akaun bersama **melainkan jika dapat dibuktikan bahawa kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain ini disebabkan oleh penipuan, kecuaian dan/atau kegagalan sengaja daripada pihak Bank.**
			Pindaan kepada Klausa 14.3, 14.4 dan 14.6 untuk memasukkan dalam peruntukan seperti yang diserlahkan dengan huruf tebal.
		14 HAK TOLAKAN DAN HAK MENDEBIT	**14 HAK TOLAKAN DAN HAK MENDEBIT**
		14.3 Bank mempunyai hak yang tidak boleh ditarik balik untuk mendebitkan Akaun Semasa dengan (a) memberi notis tujuh (7) hari lebih awal kepada pemegang akaun; atau (b) serta-merta tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada pemegang akaun, di mana Bank, mengikut budi bicara mutlaknya menganggapnya perlu untuk bertindak segera, bagi tujuan membuat apa-apa pembayaran, pembayaran balik dan/atau pembayaran balik kepada Bank dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad dan untuk membuat pembayaran dan/atau pembayaran balik jumlah yang berkaitan kepada pihak ketiga dalam situasi berikut:	14.3 Bank mempunyai hak yang tidak boleh ditarik balik untuk mendebitkan Akaun Semasa dengan (a) memberi notis tujuh (7) hari lebih awal kepada pemegang akaun; atau (b) serta-merta tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada pemegang akaun, di mana Bank, menganggapnya perlu untuk bertindak segera, bagi tujuan membuat apa-apa pembayaran, pembayaran balik dan/atau pembayaran balik kepada Bank dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad dan untuk membuat pembayaran dan/atau pembayaran balik jumlah yang berkaitan kepada pihak ketiga dalam situasi berikut:
		14.4 Berkenaan dengan sebarang transaksi yang dilakukan melalui saluran yang dikendalikan oleh Payments Network Malaysia Sdn Bhd ("**Paynet**") yang melibatkan sebarang dakwaan, tuntutan atau pertikaian berkaitan dengan sebarang transaksi yang salah, tidak betul, tersilap, penipuan dan/atau tidak diberi kuasa, Bank diberi kuasa untuk mendebit Akaun Semasa dan melakukan bayaran balik selaras dengan garis panduan dan terma-terma semasa	14.4 Berkenaan dengan sebarang transaksi yang dilakukan melalui saluran yang dikendalikan oleh Payments Network Malaysia Sdn Bhd ("**Paynet**") yang melibatkan sebarang dakwaan, tuntutan atau pertikaian berkaitan dengan sebarang transaksi yang salah, tidak betul, tersilap, penipuan dan/atau tidak diberi kuasa, Bank diberi kuasa untuk mendebit Akaun Semasa dan melakukan bayaran balik selaras dengan garis

		Paynet ("**Peraturan Paynet**"). Bank juga akan mengekalkan, menahan atau memperuntukkan jumlah yang dipertikaikan daripada Akaun Semasa apabila notis mengenai tuduhan, tuntutan atau pertikaian tersebut.	panduan dan terma-terma semasa Paynet ("**Peraturan Paynet**"). Bank juga akan mengekalkan, menahan atau memperuntukkan jumlah yang dipertikaikan daripada Akaun Semasa apabila notis mengenai tuduhan, tuntutan atau pertikaian tersebut, **tanpa memberitahu pemegang akaun terlebih dahulu.**
		14.6 Bank tidak akan bertanggungjawab kepada pemegang akaun untuk apa-apa tuntutan, kerugian, kerosakan, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun berhubung dengan Bank yang melaksanakan hak untuk mengimbangi dan hak debit dan pengekalan, penahanan, peruntukan atau pembekuan wang dalam Akaun Semasa dan/atau dalam mematuhi Peraturan Paynet,	14.6 Bank tidak akan bertanggungjawab kepada pemegang akaun untuk apa-apa tuntutan, kerugian, kerosakan, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun berhubung dengan Bank yang melaksanakan hak untuk mengimbangi dan hak debit dan pengekalan, penahanan, peruntukan atau pembekuan wang dalam Akaun Semasa dan/atau dalam mematuhi Peraturan Paynet, **kecuali jika berlaku penipuan, kecuaian atau kegagalan sengaja dari pihak Bank.**
			Pindaan kepada Klausa 15.1, 15.2 dan 15.3 untuk memasukkan dalam peruntukan seperti yang diserlahkan dengan huruf tebal.
		15 PEMBATASAN LIABILITI	**15 PEMBATASAN LIABILITI**
		15.1 Jumlah liabiliti Bank kepada pemegang akaun hendaklah terhad kepada kerugian langsung sebenar yang dialami oleh pemegang akaun sahaja, dengan syarat bahawa tuntutan disokong oleh bukti dokumentari yang dikemukakan oleh pemegang akaun kepada Bank. Dalam apa jua keadaan Bank tidak akan bertanggungjawab kepada pemegang akaun untuk sebarang tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun berhubung dengan Bank mematuhi Peraturan Paynet. Bank juga tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa ganti rugi teladan atau punitif, kehilangan atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit dan/atau sekunder, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kehilangan keuntungan atau pendapatan atau simpanan, kerugian jangkaan, kerugian pergantungan, kerugian ekonomi murni atau kerugian atau ganti rugi yang serupa yang mungkin ditanggung pemegang akaun oleh sebab sebarang tindakan atau peninggalan Bank, walaupun jika Bank telah dinasihatkan tentang kemungkinan kehilangan atau ganti rugi tersebut terlebih dahulu.	15.1 Jumlah liabiliti Bank kepada pemegang akaun hendaklah terhad kepada kerugian langsung sebenar yang dialami oleh pemegang akaun sahaja, dengan syarat bahawa tuntutan disokong oleh bukti dokumentari yang dikemukakan oleh pemegang akaun kepada Bank. Dalam apa jua keadaan Bank tidak akan bertanggungjawab kepada pemegang akaun untuk sebarang tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun berhubung dengan Bank mematuhi Peraturan Paynet. Bank juga tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa ganti rugi teladan atau punitif, kehilangan atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit dan/atau sekunder, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kehilangan keuntungan atau pendapatan atau simpanan, kerugian jangkaan, kerugian pergantungan, kerugian ekonomi murni atau kerugian atau ganti rugi yang serupa yang mungkin ditanggung pemegang akaun oleh sebab sebarang tindakan atau peninggalan Bank, walaupun jika Bank telah dinasihatkan tentang kemungkinan kehilangan atau ganti rugi tersebut

			terlebih dahulu. **Tiada apa-apa dalam Klausa ini yang akan mengecualikan tanggungjawab Bank bagi kerugian kewangan langsung yang disebabkan oleh penipuan, kecuaian atau salah laku sengaja Bank itu sendiri.**
		15.2 Pemegang akaun bersetuju untuk menanggung rugi sepenuhnya Bank dan tidak mempertanggungjawabkan Bank terhadap semua penalti, ganti rugi, tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan (temasuk kos guaman atas dasar peguamcara dan anakguam), cukai atau duti yang mungkin ditanggung oleh Bank berkaitan dengan mana-mana atau semua akaun sekalipun atau pelaksanaan Bank berkenaan sebarang arahan (walaupun arahan tersebut mungkin penipuan atau tanpa kebenaran) melainkan pemegang akaun boleh membuktikan bahawa penalti, ganti rugi, tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan, cukai atau duti ini adalah disebabkan oleh kecuaian melampau dan/atau keingkaran sengaja Bank.	15.2 Pemegang akaun bersetuju untuk menanggung rugi sepenuhnya Bank dan tidak mempertanggungjawabkan Bank terhadap semua penalti, ganti rugi, tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan (temasuk kos guaman atas dasar peguamcara dan anakguam), cukai, **duti setem** atau duti **berasal daripada atau** yang mungkin ditanggung oleh Bank berkaitan dengan mana-mana atau semua akaun sekalipun atau pelaksanaan Bank berkenaan sebarang arahan (walaupun arahan tersebut mungkin penipuan atau tanpa kebenaran) melainkan pemegang akaun boleh membuktikan bahawa penalti, ganti rugi, tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan, cukai, **duti setem** atau duti ini adalah disebabkan oleh penipuan, kecuaian dan/atau keingkaran sengaja Bank.
		15.3 Berhubung dengan Klausa 15.2, Bank akan memaklumkan kepada pemegang akaun jumlah yang akan ditanggung rugi dan perakuan Bank yang membuktikan jumlah tersebut hendaklah dianggap sebagai muktamad, mengikat dan konklusif dan Bank juga boleh mendebitkan jumlah tersebut dari Akaun Semasa pemegang akaun.	15.3 Berhubung dengan Klausa 15.2, Bank akan memaklumkan kepada pemegang akaun jumlah yang akan ditanggung rugi dan perakuan Bank yang membuktikan jumlah tersebut hendaklah dianggap sebagai muktamad, mengikat dan konklusif **melainkan terdapat kesilapan yang jelas dan/atau kesilapan nyata di pihak Bank** dan Bank juga boleh mendebitkan jumlah tersebut dari Akaun Semasa pemegang akaun.
			Penyisipan sub-Klausa 17.2 baru untuk memudahkan pihak berkuasa pengawalseliaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank
		17 UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL	**17 UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL**
		NIL	17.2 Ketersediaan dan pengendalian Pemegang Akaun ke atas Akaun Semasa dan perkhidmatan berkaitan bergantung kepada tiada pelanggaran terhadap mana-mana undang-undang, garis panduan atau peraturan semasa yang mungkin dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa pengawalseliaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada: (i) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; (ii) Notis Dasar Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia;

			(iii) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001; dan (iv) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. *Pindaan kepada Klausa 20.1 seperti yang diserlahkan dalam huruf tebal di bawah dan penambahan sub klausa baru berkaitan Skim Majikan Korporat atau Skim Potongan Gaji lain (jika berkenaan) serta pemadaman klausa 20.2;*
		20 PENDEDAHAN MAKLUMAT 20.1 Pemegang akaun bersetuju, membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat berkenaan pemegang akaun, hal ehwal pemegang akaun dan/atau mana-mana akaun yang dikekalkan oleh pemegang akaun dengan Bank kepada: • ejennya, pembekal perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang dan/ atau penasihat professionalnya di dalam atau di luar Malaysia; • entiti-entiti di dalam Kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegangan muktamad Bank ("Kumpulan Syarikat") sama ada Kumpulan Syarikat adalah bermastautin, berada, menjalankan perniagaan, ditubuhkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia; untuk memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan Akaun Semasa, kemudahan dan peruntukan kontrak, perkhidmatan atau yang diberikan atau disediakan oleh Bank dan/atau Kumpulan Syarikat kepada para pelanggannya, dan serta kepada: • sebarang penerima pindahan atau pemegang serah hak yang berpotensi dengan mana Bank sedang merundingkan pemindahan, penyerahan hak dan pembaharuan hak atau obligasi di bawah atau dengan merujuk kepada Akaun Semasa ini; dan • pihak ketiga tersebut dan untuk tujuan(-tujuan) seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan	**20 PENDEDAHAN MAKLUMAT** 20.1 Pemegang akaun membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat berkenaan pemegang akaun dan/atau mana-mana akaun yang dikekalkan oleh pemegang akaun dengan Bank kepada: • ejennya, pembekal perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang dan/ atau penasihat professionalnya di dalam atau di luar Malaysia; • entiti-entiti di dalam Kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegangan muktamad Bank ("Kumpulan Syarikat") sama ada Kumpulan Syarikat adalah bermastautin, berada, menjalankan perniagaan, ditubuhkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia; untuk memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan Akaun Semasa, **produk kewangan/**kemudahan dan peruntukan kontrak, perkhidmatan atau yang diberikan atau disediakan oleh Bank dan/atau Kumpulan Syarikat kepada para pelanggannya, dan serta kepada: • sebarang penerima pindahan atau pemegang serah hak yang berpotensi dengan mana **novasi tidak aktif** dan pembaharuan hak atau obligasi di bawah atau dengan merujuk kepada Akaun Semasa ini; dan • **majikan pemegang akaun untuk memudahkan pembayaran bulanan di bawah Skim Majikan**

		'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing. Pemegang akaun bersetuju bahawa persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat pemegang akaun adalah perlu untuk penyediaan Akaun Semasa dan/atau perkhidmatan berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan pemegang akaun untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi mana-mana keperluan undang-undang. 20.2 Pendedahan oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) mungkin juga untuk jualan silang dan tujuan lain Bank dan/atau Kumpulan Syarikat dengan syarat bahawa **pendedahan untuk jualan silang tidak akan dilaksanakan jika pendedahan tersebut dibantah oleh pemegang akaun.** Bank juga boleh mendedahkan maklumat pemegang akaun seperti nama dan butiran hubungan (tidak termasuk hal ehwal atau akaun pemegang akaun) kepada pihak ketiga rakan kongsi perniagaan dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi jika persetujuan daripada pemegang akaun telah diperolehi. Walau bagaimanapun, pemegang akaun boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menarik balik persetujuan yang disebutkan di atas untuk pendedahan maklumat oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) dan kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada pemegang akaun): Unit Resolusi Pelanggan (CRU). Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com	**Korporat atau skim Potongan Gaji lain (jika berkenaan); dan** • pihak ketiga tersebut dan untuk tujuan(-tujuan) seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing. Pemegang akaun **memahami** bahawa persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat pemegang akaun adalah perlu untuk penyediaan Akaun Semasa, **produk** dan/atau perkhidmatan berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan pemegang akaun untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi mana-mana keperluan undang-undang. 20.2 ~~Pendedahan oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) mungkin juga untuk jualan silang dan tujuan lain Bank dan/atau Kumpulan Syarikat dengan syarat bahawa **pendedahan untuk jualan silang tidak akan dilaksanakan jika pendedahan tersebut dibantah oleh pemegang akaun.**~~ Bank juga boleh mendedahkan maklumat pemegang akaun (tidak termasuk **maklumat berkaitan** hal ehwal atau akaun pemegang akaun) kepada **Syarikat Kumpulan dan/atau** pihak ketiga **seperti** rakan kongsi perniagaan dan pakatan strategik untuk tujuan pemasaran dan promosi jika **sebelum** persetujuan daripada pemegang akaun telah diperolehi **secara jelas memberhakkan pendedahan tersebut.** Walau bagaimanapun, pemegang akaun boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menarik balik persetujuan **dan kebenaran untuk mendedahkan** untuk pemasaran dan promosi dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada pemegang akaun): Unit Resolusi Pelanggan (CRU). Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com *Tajuk Klausa 21 telah diubah kepada 'VARIASI'* **21 VARIASI**

		21 PERIZABAN HAK Bank boleh mengubah (sama ada menambah kepada, memadam daripada atau sebaliknya meminda) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dengan memberi kepada pemegang akaun notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan dikuat kuasa. Notis Pindaan boleh diberi dengan (i) Notis Pindaan dipaparkan di premis dan laman sesawang Bank secara umum dan di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan boleh diberikan kepada pemegang akaun atas permintaan atau notis boleh mengandungi butir-butir mengenai Pindaan; atau (ii) notis yang dihantar oleh Bank ke alamat pemegang akaun terakhir diketahui; atau (iii) notis yang diiklankan dalam satu akhbar pilihan Bank; atau (iv) notis yang dihantar melalui mel elektronik atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan akan berkuat kuasa dan mengikat dari tarikh yang ditetapkan dalam pemberitahuan. Pemegang akaun boleh menutup Akaun Semasa pemegang akaun mengikut Klausa 10.1 jika mereka tidak bersetuju dengan Pindaan tersebut.	Bank boleh mengubah (sama ada menambah kepada, memadam daripada atau sebaliknya meminda) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dengan memberi kepada pemegang akaun notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan dikuat kuasa. **Pindaan boleh dibuat untuk memudahkan perubahan dalam operasi perniagaan, proses atau keperluan sistem, atau kerana keperluan undang-undang atau peraturan, atau atas sebab-sebab yang mungkin ditetapkan oleh Bank dalam notis**.Notis Pindaan boleh diberi dengan (i) Notis Pindaan dipaparkan di premis dan laman sesawang Bank secara umum dan di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan boleh diberikan kepada pemegang akaun atas permintaan atau notis boleh mengandungi butir-butir mengenai Pindaan; atau (ii) notis yang dihantar oleh Bank ke alamat pemegang akaun terakhir diketahui; atau (iii) notis yang diiklankan dalam satu akhbar pilihan Bank; atau (iv) notis yang dihantar melalui mel elektronik, **perkhidmatan pesanan ringkas (SMS)** atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan akan berkuat kuasa dan mengikat dari tarikh yang ditetapkan dalam pemberitahuan. Pemegang akaun boleh menutup Akaun Semasa pemegang akaun mengikut Klausa 10.1 **tanpa sebarang caj untuk penutupan Akaun Semasa** jika mereka tidak bersetuju dengan Pindaan tersebut. *Klausa baharu 25 dimasukkan untuk memasukkan Polisi Pertukaran Asing dan penomboran semula perenggan-perenggan seterusnya.* **25 DASAR TUKARAN ASING** **25.1 Pemegang akaun mempunyai kewajipan untuk memastikan bahawa semua transaksi masuk dan keluar ke dan dari Akaun Semasa, serta semua transaksi yang dilakukan melalui Akaun Semasa, mematuhi Notis Dasar Tukaran Asing ("Notis FEP") yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, seperti yang dipinda atau disemak dari semasa ke semasa, dan boleh**

			didapati di laman web BNM di http://www.bnm.gov.my/fep. **25.2 Notis FEP menetapkan kelulusan BNM untuk transaksi yang sebaliknya akan dilarang, serta antara lain keperluan, sekatan, syarat, arahan, had dan kewajipan pendedahan yang terpakai. Transaksi yang dikawal di bawah Notis FEP termasuk, tanpa had, urusan dalam mata wang, pinjaman, peminjaman dan jaminan, pelaburan dalam aset mata wang asing (dalam dan luar negara), pembayaran/penerimaan dan penghantaran wang, serta eksport barangan. Ringkasan keperluan utama Notis FEP boleh didapati di laman web Bank berikut:** https://www.cimb.com.my/content/dam/cimb/personal/documents/help-support/fen-faqs.pdf **dan,sekiranya terdapat sebarang percanggahan, keperluan yang dinyatakan dalam Notis FEP yang diterbitkan di laman web BNM akan diutamakan.** **25.3 Apabila dana yang dikreditkan ke Akaun Semasa berasal daripada atau berkaitan dengan sebarang pinjaman, hutang atau pembiayaan yang diperoleh oleh pemegang akaun daripada bukan pemastautin (seperti yang ditakrifkan dalam Notis FEP), pemegang akaun mengisytiharkan dan menyatakan bahawa pinjaman, hutang atau pembiayaan tersebut mematuhi Notis FEP yang berkenaan, termasuk perkara berikut:** **(i) pinjaman, hutang atau pembiayaan mematuhi sebarang had, syarat, sekatan dan keperluan pelaporan yang ditetapkan di bawah Notis FEP; dan** **(ii) pinjaman, hutang atau pembiayaan tidak diperoleh daripada institusi kewangan bukan pemastautin (seperti yang ditakrifkan dalam Notis FEP).** **25.4 Pemegang akaun bersetuju untuk memberikan kepada Bank apa-apa maklumat, dokumen sokongan dan/atau pengisytiharan, sama ada sebelum atau**

			selepas transaksi, seperti yang Bank mungkin perlukan secara munasabah untuk mengesahkan pematuhan pemegang akaun dengan Notis FEP yang berkenaan, undang-undang yang berkenaan, keperluan kawal selia, arahan BNM, panduan atau pertanyaan, dan/atau keperluan risiko operasi dalaman serta ketekunan wajar Bank. Pemegang akaun hendaklah bekerjasama sepenuhnya dan mendedahkan kepada Bank dengan segera maklumat, dokumen sokongan dan/atau permohonan yang tepat, benar dan lengkap bersama pengisytiharan sendiri kepada BNM. *Penyisipan Klausa 26.1 dan pindaan kepada Klausa 26.2 untuk memasukkan peruntukan seperti yang diserlahkan dalam huruf tebal.* **26 LAIN-LAIN**
		26 LAIN-LAIN 26.2 Pemegang akaun boleh membuat aduan yang berkaitan dengan Akaun Semasa, dengan mana-mana cawangan Bank. Jika pemegang akaun tidak berpuas hati dengan penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh cawangan, pemegang akaun boleh menghubungi Jabatan Resolusi Pelanggan Bank di alamat, nombor telefon dan alamat e-mel berikut (atau alamat, nombor telefon dan alamat e-mel sebagaimana yang boleh dimaklumkan oleh Bank kepada pemegang akaun): Unit Resolusi Pelanggan (CRU). Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan Tel: +603-6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com	**26.1 Jika pemegang akaun menyedari sebarang tawaran atau pemberian manfaat, habuan, hadiah, komisen atau pertimbangan oleh kakitangan, pegawai atau pengarah Bank, pemegang akaun boleh melaporkannya mengikut Polisi Whistle Blowing CIMB yang dinyatakan di https://www.cimb.com/en/who-we-are/overview/corporate-governance/code-of-conduct/whistle-blowing.html.** **26.2** Pemegang akaun boleh membuat aduan yang berkaitan dengan Akaun Semasa, dengan mana-mana cawangan Bank. Jika pemegang akaun tidak berpuas hati dengan penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh cawangan, pemegang akaun boleh menghubungi Jabatan Resolusi Pelanggan Bank di alamat, nombor telefon dan alamat e-mel berikut (atau alamat, nombor telefon dan alamat e-mel sebagaimana yang boleh dimaklumkan oleh Bank kepada pemegang akaun): Unit Resolusi Pelanggan (CRU). Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan Tel: +603-6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com **Kemaskini perkembangan dan komunikasi mengenai keputusan akhir Bank berkaitan aduan akan diberikan. Jika pemegang akaun masih tidak berpuas hati dengan keputusan akhir Bank, pemegang akaun boleh membuat rayuan kepada: Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan (OFS) / FMOS: www.fmos.org.my / Tel: 03-2272 2811**

	CIMB Islamic Bank Berhad		
1.	Akaun Semasa-i	**2. AM** *NIL*	*Menambah Klausa 2.8 untuk sejajar dengan Terma dan Syarat Konvensional* **2. AM** 2.8 (i) Bank akan menganggap mana-mana individu yang diberi kuasa untuk mengendalikan Akaun Semasa-i pemegang akaun bukan individu ("Penandatangan Dibenarkan") sebagai mempunyai kuasa untuk meminta dan/atau mengarahkan Bank untuk melaksanakan atau menyediakan perkhidmatan berikut ("Perkhidmatan"), melainkan diarahkan sebaliknya secara bertulis oleh pemegang akaun bukan individu:- a. pengeluaran dan kutipan buku cek, kad debit, penyata akaun dan sebarang dokumen lain yang berkaitan dengan Akaun Semasa-i di cawangan atau pejabat yang ditetapkan oleh Bank atau untuk penghantaran sama melalui perkhidmatan kurier atau cara penghantaran lain ke alamat pemegang akaun bukan individu yang berdaftar dengan Bank; b. pengesahan sebarang transaksi yang dilakukan di bawah Akaun Semasa-i termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cek yang dibayar, dikutip atau ditolak di bawah atau berkaitan dengan Akaun Semasa-i; c. semakan status Akaun Semasa-i termasuk pertanyaan baki akaun. ii) Orang yang diberi kuasa oleh pemegang akaun bukan individu untuk meluluskan dan melantik Penandatangan Lulus juga mempunyai kuasa untuk meminta Perkhidmatan atau mencalonkan mana-mana pekerja, kakitangan atau ejen lain bagi pihak pemegang akaun bukan individu untuk meminta Perkhidmatan tersebut. *Pindaan kepada Klausa 3.7 seperti yang diserlahkan dalam huruf tebal di bawah mengenai pengendalian cek yang boleh dibayar* **3 DEPOSIT**
		3 DEPOSIT	

		3.7 Bagi akaun bersama, cek yang perlu dibayar kepada mana-mana satu pemegang akaun bersama boleh didepositkan ke dalam akaun bersama. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang timbul daripada bayaran hasil cek sedemikian dan bayaran sedemikian hendaklah dianggap diberi kuasa oleh semua pemegang akaun bersama.	3.7 Bagi akaun bersama, cek yang perlu dibayar kepada mana-mana satu pemegang akaun bersama boleh didepositkan ke dalam akaun bersama. Bank tidak akan **bertanggungjawab** atas sebarang kerugian yang timbul daripada **pembayaran** dari hasil cek tersebut, dan pembayaran itu **akan** dianggap **sebagai dibenarkan** oleh semua pemegang akaun bersama. *Pindaan kepada Klausa 4.1 dan tambahan Klausa 4A.4seperti yang diserlahkan dalam huruf tebal di bawah.*
		4 4A KAD DEBIT 4A.1 Tertakluk kepada keperluan semasa Bank yang dipaparkan di laman sesawang Bank, kad debit untuk mengendalikan Akaun Semasa-i akan dikeluarkan oleh Bank. Fi dan caj untuk kad debit akan ditanggung oleh pemegang akaun.	**4 4A KAD DEBIT** 4A.1 Tertakluk kepada keperluan semasa Bank yang dipaparkan di laman sesawang Bank, kad debit untuk mengendalikan Akaun Semasa-i akan dikeluarkan oleh Bank. Fi dan caj untuk kad debit, **jika berkenaan** akan ditanggung oleh pemegang akaun. **4A.4 Permohonan untuk kad debit hendaklah dibuat melalui borang permintaan yang ditandatangani oleh Penandatangan Bertauliah bagi Akaun Semasa-i yang dikendalikan oleh perkongsian, syarikat, persatuan atau badan berkanun.** *Pindaan kepada Klausa 5.1 dengan penghapusan pengulangan klausa dengan Klausa 5.3 dan pindaan kepada Klausa 5.6 seperti yang ditonjolkan dalam teks tebal*
		5 PENGELUARAN 5.1 Sebarang pengeluaran dari Akaun Semasa-i adalah tertakluk kepada keperluan dan amalan semasa Bank dan tertakluk kepada bukti identiti yang dikehendaki oleh Bank. Bank boleh tidak melayan cek jika tandatangan di atas cek berbeza daripada tandatangan spesimen dan/atau mandat yang diberikan kepada Bank atau jika Bank berpendapat bahawa ia kelihatan telah diubah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kegagalan untuk mengesan perubahan material pada cek melainkan perubahan adalah jelas dan Bank telah melakukan kecuaian melampau.	**5 PENGELUARAN** *5.1* Sebarang pengeluaran dari Akaun Semasa-i adalah tertakluk kepada keperluan dan amalan semasa Bank dan tertakluk kepada bukti identiti yang dikehendaki oleh Bank.
		5.6 Jika Akaun Semasa-i terlebih keluar walaupun tidak ada overdraf yang dipersetujui atau ia melebihi sebarang had overdraf yang pra-dipersetujui, Bank boleh mengenakan caj perkhidmatan semasa untuk setiap cek yang diproses dan dibayar oleh Bank. Pemegang akaun hendaklah membayar atas tuntutan sebarang overdraf bersama-sama dengan Ta 'widh (pampasan) dan fi yang dikenakan. Jika jumlah yang terlebih keluar tidak dibayar sepenuhnya menjelang hujung Hari Perniagaan (selepas ini	5.6 Jika Akaun Semasa-i terlebih keluar walaupun tidak ada overdraf yang dipersetujui atau ia melebihi sebarang had overdraf yang pra-dipersetujui, Bank boleh mengenakan caj perkhidmatan semasa **yang diterbitkan di laman web Bank dan dimaklumkan di cawangannya** untuk setiap cek yang diproses dan dibayar oleh Bank.. Pemegang akaun hendaklah membayar atas tuntutan sebarang overdraf bersama-sama dengan Ta 'widh

